



كِرَاكِيَا نِغَرِي كِدَاھ دَارُالْأَمَانِ
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my
E-mel : pkpk@kedah.gov.my



Ruj.Kami Bil (31) dlm. P.Kw.N(K) 0190/PKPK/1-2025

Tarikh: 24 Safar 1447H
18 Ogos 2025

Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri & Persekutuan Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Kedah Darul Aman.

YB Dato' Seri/SS Dato' Paduka/YAA Dato'/ YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

ARAHAN KEPADA SEMUA JABATAN BAGI MEMASTIKAN SETIAP PEGAWAI YANG MENANDATANGANI SURAT SETUJU TERIMA/PERJANJIAN/DOKUMEN KONTRAK PEROLEHAN MESTILAH MENGIKUT HAD NILAI YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Dengan segala hormatnya pentadbiran ini merujuk perkara di atas dan surat **PSU(K) 969-1440 bertarikh 28 Disember 2023.**

2. Dimaklumkan bahawa bagi mengelakkan sebarang teguran audit dan kecacatan dalam proses pengesahan/tandatangan dokumen Surat Setuju Terima / Dokumen Perjanjian / Dokumen Kontrak bagi semua jenis Perolehan di jabatan, maka semua pegawai yang menandatangani dokumen tersebut mestilah mengikut had nilai yang telah ditetapkan seperti arahan YB Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman merujuk surat **PSU(K) 969-1440 bertarikh 28 Disember 2023.**

3. Semua jabatan juga diminta untuk memastikan semua dokumen Surat Setuju Terima / Dokumen Perjanjian / Dokumen Kontrak atau mana-mana dokumen kontrak yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri Kedah yang akan ditandatangani oleh Ketua Jabatan telah dirujuk untuk semakan, nasihat dan mendapat pengesahan secara rasmi daripada YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah terlebih dahulu.

4. Penetapan kebenaran had nilai bagi semua Ketua Jabatan mestilah merujuk dan mematuhi Surat Kebenaran Mengikut Seksyen 3 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (AKTA 120): Kebenaran Menurunkan Tandatangan bagi Pihak Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman atas Surat-Surat Perjanjian atau Kontrak Kerajaan dengan rujukan **PSU(K) 969-1440 bertarikh 28 Disember 2023 seperti yang disertakan.**

5. **Had nilai yang telah ditetapkan untuk ditandatangani oleh Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman bagi semua jenis perjanjian adalah RM500,000.00 sehingga tidak melebihi RM10,000,000.00.**

6. Sehubungan dengan itu, semua Ketua-Ketua Jabatan mestilah membuat pemakluman yang terperinci kepada semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dan bertanggungjawab dengan tugas-tugas yang berkaitan.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”
“THE GREATER KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' WIRA HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN,
DGWK., DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.

- s.k. 1. YB Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.
2. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah Darul Aman.

☎Tel: 04-7027757/7758/7759 ✉Emel: pkpk_perolehan@kedah.gov.my

YBDWPKN/KPPKN (P)/ccsury/UnitPerolehanPKN/2025



SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 4, BLOK "B" WISMA DARUL AMAN
JALAN TUNKU BENDAHARA
05503 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7000
Faks : 04-702 7100
Laman Web : www.kedah.gov.my
E-Mail : suk@kedah.gov.my



Rujukan : PSU(K)969-1440
Tarikh : 28 Disember 2023
15 Jamadilakhir 1445H

SEMUA PEGAWAI TADBIR NEGERI KEDAH

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

KEBENARAN MENGIKUT SEKSYEN 3 AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949 (AKTA 120) : KEBENARAN MENURUNKAN TANDATANGAN BAGI PIHAK KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN ATAS SURAT-SURAT PERJANJIAN ATAU KONTRAK KERAJAAN

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa, menurut Seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) menyatakan seperti berikut :

"Semua kontrak yang dibuat di Malaysia bagi pihak Kerajaan Negeri hendaklah, jika diubah ke dalam bentuk bertulis, dibuat atas nama Kerajaan Negeri itu, dan boleh ditandatangani oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar Negeri itu, atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar, sama ada secara khusus dalam mana-mana hal tertentu, atau secara am bagi semua kontak di bawah nilai tertentu di jabatannya atau selainnya sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberikuasaan itu."

- Sukacita dimaklumkan bahawa YAB Menteri Besar Kedah telah memberi kuasa kepada pegawai seperti di Jadual 1 : Kebenaran Mengikut Seksyen 3 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman mana-mana kontrak dan dokumen berkaitan kontrak bawah Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dinyatakan berkaitan jawatan tersebut.



PSU(K)969-1440

28 Disember 2023

4. Bersama-sama ini dilampirkan Jadual 1 : Kebenaran Mengikut Seksyen 3 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) untuk rujukan dan perhatian YBhg. Dato' / Tuan / Puan serta adalah diminta kerjasama YBhg. Dato' / Tuan / Puan **memastikan perkara ini dipanjangkan kepada semua pegawai dan kakitangan** di jabatan YBhg. Dato' / Tuan / Puan serta **difahami oleh semua pegawai dan kakitangan di jabatan** YBhg. Dato' / Tuan / Puan.

5. Selain daripada itu, adalah diminta kerjasama YBhg. Dato' / Tuan / Puan untuk memastikan mana-mana perjanjian atau kontrak dan dokumen berkaitan kontrak Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang ingin ditandatangani telah dibuat semakan dengan YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah Darul Aman sekiranya terdapat keperluan serta tertakluk kepada jenis perjanjian dan had amaun yang telah ditetapkan sahaja.


6. Sila hubungi Puan Noor Akmar binti Dato' Paduka Mohd Omar, Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Kewangan) di talian 04-7027128 bagi sebarang pertanyaan atau urusan. Segala kerjasama dan komitmen YBhg. Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' SERI HAJI NORIZAN BIN RHAZALI, SSDK., DSDK., AMK., BCK.)

s.k.: YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah



Menteri Besar Kedah Darul Aman

مَنْتَرِي بَسْر قَدَح دَار الْأَمَان

قَدَح سَهْأَتَرَا
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949 (AKTA 120)

(Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 3)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 3 Akta Kontrak Kerajaan 1949, saya Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman dengan ini memberi kuasa kepada Pegawai-Pegawai Negeri Kedah Darul Aman seperti Jadual 1 di lampirkan untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman mana-mana kontrak dan dokumen berkaitan kontrak bawah Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dinyatakan berkaitan jawatan mereka itu.

Diperbuat pada : 14 Ogos 2023

(DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR, SPMK., AMK.)

Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman

JADUAL 1

KEBENARAN MENGIKUT SEKSYEN 3 AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949 (AKTA 120)

Bil	Jawatan	Jenis Perjanjian	Had Amaun
1.	Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian	Tidak Melebihi RM 2,000,000,000.00
2.	Pegawai Kewangan Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian	Tidak Melebihi RM 10,000,000.00
3.	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)	Semua jenis perjanjian	Tidak Melebihi RM 500,000.00
4.	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)	Semua jenis perjanjian	Tidak Melebihi RM 500,000.00
5.	Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	Semua jenis perjanjian	Tidak Melebihi RM 200,000.00
6.	Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)	Semua jenis perjanjian yang bersangkutan dengan pendahuluan kepada pegawai-pegawai kerajaan membeli kenderaan, komputer dan semua perjanjian biasiswa.	Tidak Melebihi RM 200,000.00
7.	Setiausaha Bahagian (Perumahan)	Semua perjanjian yang berkaitan dengan penjualan / penyewaan rumah-rumah dalam Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dan	Tidak melebihi RM 200,000.00 

Bil	Jawatan	Jenis Perjanjian	Had Amaun
		Semua perjanjian yang berkaitan dengan insuran ke atas rumah dalam Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah	
8.	Pengelola Istana DiRaja	Semua jenis perjanjian berkaitan Pejabat KDYMM Tuanku Sultan Kedah	Tidak Melebihi RM 500,000.00
9.	Setiausaha Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Pejabat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 500,000.00
10.	Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 500,000.00
11.	Mufti Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Pejabat Jabatan Mufti Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 500,000.00
12.	Timbalan Mufti Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Pejabat Jabatan Mufti Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 100,000.00
13.	Ketua Hakim Syarie Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 500,000.00 

DATUK SERI HAJI MUHAMMAD SAHUSI BIN MD NOR, SPMP, AMK
Menteri Besar Negeri Kedah Danul Aman

Bil	Jawatan	Jenis Perjanjian	Had Amaun
14.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah	Semua perjanjian berkaitan dengan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah dan Rancangan Pinggir	Tidak melebihi RM 500,000.00
15.	Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah dan Rancangan Pinggir	Tidak melebihi RM 200,000.00
16.	Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 500,000.00
17.	Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 200,000.00
18.	Pegawai-Pegawai Daerah Negeri Kedah	Semua perjanjian yang berkaitan dengan Pejabat Daerah dan Rancangan Kemajuan Luar Bandar	Tidak melebihi RM 500,000.00
19.	Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan dengan JKR Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 1,000,000.00
20.	Jurutera Awam Penguasa (Bangunan)	Semua perjanjian berkaitan dengan JKR di jabatan masing-masing	Tidak melebihi RM 200,000.00

DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR, SPMK, AMK.

Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman

Bil	Jawatan	Jenis Perjanjian	Had Amaun
21.	Jurutera Awam Penguasa (Jalan)	Semua perjanjian berkaitan dengan JKR di jabatan masing-masing	Tidak melebihi RM 200,000.00
22.	Arkitek Penguasa	Semua perjanjian berkaitan dengan JKR di jabatan masing-masing	Tidak melebihi RM 200,000.00
23.	Juruukur Bahan Penguasa	Semua perjanjian berkaitan dengan JKR di jabatan masing-masing	Tidak melebihi RM 200,000.00
24.	Ketua Jurutera Elektrik Negeri	Semua perjanjian berkaitan dengan JKR di jabatan masing-masing	Tidak melebihi RM 200,000.00
25.	Ketua Jurutera Mekanikal Negeri	Semua perjanjian berkaitan dengan JKR di jabatan masing-masing	Tidak melebihi RM 200,000.00
26.	Semua Jurutera Daerah	Semua perjanjian berkaitan dengan JKR di jabatan masing-masing	Tidak melebihi RM 200,000.00
27.	Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kedah	Semua perjanjian berkaitan dengan JPS Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 1,000,000.00
28.	Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kedah	Semua perjanjian berkaitan dengan JPS Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 500,000.00
29.	Ketua Penolong Pengarah dan Semua Jurutera Daerah	Semua perjanjian berkaitan dengan JPS Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 200,000.00

DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MO NOR, SPMK, AMK.
Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman

Bil	Jawatan	Jenis Perjanjian	Had Amaun
30.	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	Semua perjanjian berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah dan perjanjian pawah dan binatang-binatang ternakan.	Tidak melebihi RM 200,000.00
31.	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kedah	Semua perjanjian yang berkaitan dengan Jabatan Pertanian Negeri Kedah dan perjanjian berkaitan baja, benih pokok dan makanan	Tidak melebihi RM 500,000.00
32.	Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kedah	Semua perjanjian yang berkaitan dengan Jabatan Pertanian Negeri Kedah dan perjanjian berkaitan baja, benih pokok dan makanan.	Tidak melebihi RM 200,000.00
33.	Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 500,000.00
34.	Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (Nota : termasuk perjanjian berkaitan pengurusan hasil hutan)	Tidak melebihi RM 500,000.00

Bil	Jawatan	Jenis Perjanjian	Had Amaun
		Semua jenis perjanjian berkaitan kelulusan Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi (JKTHB) seperti hasil bumi, hasil hutan, industri berasaskan kayu serta aktiviti-aktiviti sektor perhutanan lain.	Tidak melebihi RM 5,000,000.00
35.	Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	Semua jenis perjanjian berkaitan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	Tidak melebihi RM 200,000.00 

DATO' SERI HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR, SPMP, AMK
Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman